

30/04/2003

Puisi berbeza ikut kematangan, pengalaman

Salbiah Ani

SASTERA dan Budaya memberi peluang kedua kepada Siti Zaleha Hashim dalam siri wawancara ini. Ikuti sambungan wawancara wartawan Sastera dan Budaya,

SALBIAH ANI, bersama tokoh ini, yang pertama kali disiarkan pada 26 April

lalu.

Di antara semua genre diceburi, yang manakah lebih memberi kepuasan dan keselesaan?

Puisi paling hampir dan dekat dengan jiwa saya. Ia memberi kepuasan sebab puisi adalah pandangan kita. Penglibatannya adalah kita. Apa saja yang saya lihat, saya dapat curahkan dalam bentuk puisi. Dalam puisi saya

dapat pilih kata-kata, falsafah, perasaan, pandangan dan saya dapati menulis puisi sememangnya berbeza mengikut kematangan dengan usia dan pengalaman. Lebih jauh berjalan lebih banyak membaca, kita akan meneliti dengan lebih bermakna. Drama televisyen, saya letakkan di tempat kedua. Sebab itu saya lambat menulis novel dan cerpen.

Apa saja saya lihat, saya bayangkan visualnya sekalipun sesetengah orang

menganggap sukar menulis drama televisyen. Bagaimanapun saya tidak meneruskan genre ini agak lama kerana kita berubah. Saya sudah mula muncul

dalam cerpen dan novel. Apa sekalipun puisi tetap menjadi pilihan. Kalau tinggal yang lain, puisi akan tetap berterusan. Bukan kerana puisi mengambil masa yang singkat. Ia lebih kepada kepuasan.

Kita menangi nasib Iraq yang musnah di tangan Amerika Syarikat dan Tentera Bersekutu. Seolah-olah kita lupa dunia Arab tidak pernah bersatu dan tidak mendapat simpati kepada negara jiran seagamanya. Penulis pula terus membakar emosi. Tidak adakah peranan yang lebih bermakna yang dapat

dilakukan oleh sasterawan dalam usaha menerbitkan kesedaran betapa pentingnya perpaduan negara Islam untuk mengelak mereka menjadi mainan kuasa besar kini dan masa depan?

Kita tidak boleh menafikan Amerika Syarikat sememangnya bersalah dalam serangan ini kerana mereka sebenarnya tidak mempunyai alasan untuk tindakannya selain daripada agenda yang sudah diatur sejak Perang Teluk. Strategi untuk meluaskan empayarnya di Timur Tengah. Kita semua tahu tujuan sebenarnya ialah Israel dan minyak. Saddam hanya alasan untuk bertapak lebih jauh. Ia lebih berani kerana ia kuasa tunggal yang sudah tahu kelemahan orang Islam. Kenapa Timur Tengah tidak bersatu? Mengapa mereka mesti bersatu kerana mereka sememangnya bukan sebuah negara. Faktor

Islam saja yang menyatukan mereka. Setiap negara Arab mempunyai pemimpin dan agenda sendiri.

Kita memerlukan tokoh yang benar-benar kuat dan dapat melihat bagaimana

perlunya kita membuang kepentingan peribadi demi Islam masa depan dan bangsa. Negara Arab sudah lama ditaja dan dilindungi oleh Amerika. Iraq

juga pernah menyerang. Mereka sama-sama mencabar, tidak puas hati dan merasa tidak selamat. Kalau orang Islam bersatu, kuasa akan ada di tangan kita. Satu saja yang dapat menyatukan iaitu kita bersaudara dan demi masa depan Islam. Kita tahu agenda mereka untuk melemahkan Islam. Islam satu-satunya kuasa yang mengangkat manusia sejagat. Kita sudah melihat apa yang terjadi kepada Bosnia-Herzegovina dan Palestin. Kita turut meratap dan merasa kesedihan. Sindrom Kesukaran Pernafasan Teruk (SARS) yang meragut nyawa di China turut menimbulkan rasa kesian daripada kita. Apalagi Iraq.

Islam akan menyatupadukan umat sejagat. Timur Tengah menjadi perhatian kerana minyak dan kuasa. Ada kuasa, ada minyak dan sebaliknya.

Selagi orang Islam tidak melihat kekuatan dan punca kuasa ada di tangan mereka seperti yang dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita akan menjadi mangsa. Penulis perlu melihat secara sejagat. Penulis Malaysia ada peranan dalam negaranya sendiri, negara berhampiran, sejagat, seagama dan sealiran pemikiran. Betapa kekuatan dalaman sangat penting sebab perpaduan dapat menghindari musuh untuk menyusup. Kita kena tahu kekuatan dan ini boleh bantu penulis untuk mengadakan majlis pembacaan dan penulisan. Kalau ekonomi kita kuat, kita boleh bantu negara yang lemah dan memerlukan bantuan ekonomi.

Dalam negara kita sedarkan kemanusiaan. Jangan halang sesama kita mahupun sejagat. Manusia berbeza. Jadikan Arab sebagai iktibar. Kita salurkan melalui penulisan, perbincangan dan forum. Biar ramai merasakan penulis pencetus pemikiran. Jangan sempitkan usaha untuk dalam negara saja. Pergi lebih jauh. Adakan penyatuan penulis seglobal dan kita sudah pun memulakannya dengan Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur (PPDKL) yang bertaraf antarabangsa.

Kita boleh mengadakan usaha mengumpul penulis dalam satu bentuk yang lebih global untuk bersuara seperti Persidangan Pertubuhan Negara Islam (OIC) - penulis berkumpul dan menyatakan suara - sebarkan pemikiran untuk dibaca dan dibincang. Kita tidak boleh berdiam diri kerana kejatuhan Iraq mungkin menjalar ke negara lain. Kita tidak boleh anggap kita bukan orang ekonomi, politik atau tentera. Kita boleh buat lebih jauh dengan kesan lebih kuat dan tersebar lebih luas.

Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail mengatakan memang belum ada penulis wanita yang layak dinobatkan sebagai penerima Anugerah Sastera Negara. Pandangan mengenai perkara ini?

Soalan yang sama pernah saya tanya kepada beberapa orang. Dalam dunia sastera kita, tidak ada diskriminasi. Memang belum ada yang layak sebab ini pengiktirafan tertinggi dan sangat berprestij. Yang layak bukan sekadar dalam bidang penulisan tetapi juga dalam kegiatan sastera.

Saya rasa wajar penulis wanita mendapat ASN. Bagi saya sudah ada sasterawan wanita yang boleh dinobatkan sebagai Sasterawan Negara (SN). Saya wanita dan juga meneliti karya. Sekalipun tidak ramai jumlah yang

boleh dipilih berbanding penulis lelaki. Bagaimanapun janganlah pemberiannya semata-mata untuk memenuhi kuota gender.

Panel selalu menganggap penulis wanita belum mampu mengangkat persoalan besar dalam karya. Belum sampai masa sebab tidak mengangkat persoalan besar atau kerana penulis wanita kurang ilmiah untuk membentangkan kertas kerja? Segalanya perlu dilihat semula.

Setujukah dengan pandangan sebahagian besar orang sastera penulis wanita akan tumpul apabila mereka berkeluarga?

Ia anggapan dari dulu dan menjadi kenyataan. Memang betul wanita yang sudah berkeluarga kurang menulis kerana ia tidak mahu terus menulis. Tanggungjawab mereka bertambah berbanding penulis lelaki sekalipun sekiranya kedua-duanya penulis. Wanita tumpuannya lebih kepada keluarga. Penulis lelaki ada tanggungjawab tetapi bagi mereka, masih kelihatan manis

dan diterima bila balik rumah terus masuk bilik untuk berkarya.

Bagaimanapun ada juga penulis wanita yang berterusan walaupun selepas berumahtangga kerana ia sangat berdisiplin dan suasana keluarga yang mengizinkan serta boleh mencari waktu untuk menulis. Selalunya faktor keluarga menyebabkan wanita tidak dapat mencari masa.

Kita patut disiplinkan diri. Kalau tidak dapat empat jam. usahakan tiga, dua atau satu jam sehari untuk menulis. Tidaklah sampai tiada karya langsung dalam setahun. Semangat dan kesungguhan sangat penting untuk menulis. Ketika muda, saya jadikan waktu makan tengah hari terutama hari Jumaat untuk menulis.

Selepas berkeluarga saya belajar daripada Zaharah Nawawi yang menasihatkan saya mesti mencari waktu dan disiplinkan diri. waktu cuti lazimnya saya habiskan tiga empat jam untuk menulis. Saya tetap peruntukan masa untuk menonton drama yang baik kerana saya melihat dengan mata dan hati. Saya turut memastikan semua karya yang tersiar dan kritikan mengenai saya dimuatkan ke dalam fail pada hari ia disiarkan.

Saya juga ada jadual untuk dijadikan panduan dan bukan mengikat. Saya juga luangkan masa untuk membaca dan anak sejak kecil disiplinkan tidak mengganggu pada waktu saya menulis.

Kita mengagungkan warisan dan budaya Melayu yang pernah muncul sebagai antara bangsa dengan peradaban yang besar suatu ketika dulu tetapi kini kita tidak ke mana. Mengapa agaknya ini berlaku dan mampukah kita mengulangi zaman kegemilangan Melaka suatu ketika dulu?

Saya akan melihatnya dari sudut kemungkinan dan harapan. Harapan saya warisan ini berterusan berada di di puncak semula atau lebih lagi. Kalau dilihat rata-rata yang datang ke daerah Timur termasuk Malaysia mengagumi kehalusan dan keindahan budaya kita, adat istiadat, seni kraftangan kita.

Mereka juga mengagumi pantun kita.

Kita ada syair, gurindam, seloka yang menampakkan pemikiran, ketajaman dan keperibadian manusia Melayu dan dikaji sehingga hari ini oleh sarjana tempatan dan luar. Kita selalu dengar kehebatan karya kita. Kegemilangan

Sultan Melaka. Harapan saya sastera kita terus meningkat. Gurindam kita hidup. Pantun kita tidak mati. Kita sudah ada tokoh yang mengembangkan pantun baru. Media pun sudah mula mengetengahkan pantun.

Kita perlu meluaskan skopnya ke Asia Tenggara, malah dunia. Kita ada kementerian dan jabatan yang mengadakan pelbagai majlis dan memanfaatkan bidang pelancongan. Segala persembahan seni budaya, tarian Melayu. lagu rakyat dan wayang kulit. Kenapa pula kita tidak dapat ketengah kalau kita berusaha dengan bersungguh-sungguh.

Sangat kurang orang yang betul-betul ikhlas mengetengahkan warisan dan budaya. Ramai yang melakukannya kerana tugas. Mengetengahkan hal begini memerlukan komitmen yang sangat kuat dan tidak cukup tugas di pejabat saja. Ia tugas yang berterusan dan berpanjangan.

Kalau semua ini terjadi, jabatan, petugas berusaha bukan saja di dalam negara tetapi juga di seluruh dunia, tidak ada yang tidak mungkin kerana apa yang diketengahkan budaya bertamadun dan nyata nilainya.

Kita mesti ada tujuan. Lihat bagaimana kurator di Russia menangis apabila melihat artifak di Muzium Iraq diambil orang luar kerana bimbang ia tidak dijaga dengan baik. Ini menunjukkan semangat dan jiwanya sudah sehati meskipun ia orang luar dan tidak seagama. Kita sendiri tidak ambil berat muzium dan pusat kraf tangan kita di kampung.